



KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH POKOK SENA
06400 POKOK SENA
KEDAH DARUL AMAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada Rakyat Negeri Kedah Darul Aman yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan **jawatan tetap** di **Pejabat Daerah Dan Tanah Pokok Sena**

JAWATAN	:	PEMBANTU AWAM
GRED JAWATAN	:	H11
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	TETAP
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1 (SATU)
NO. FAIL	:	PDPS (J) 17/2020 (34)
JADUAL GAJI	:	

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,218.00	RM2,939.00	RM80.00

SYARAT LANTIKAN Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00);

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENAKLUKAN DI
BAWAH SYARAT-
SYARAT SKIM
PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

DESKRIPSI TUGAS

1. Menjalankan tugas-tugas am bersifat 'hands on' yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan di luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.
2. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Pejabat Daerah Dan Tanah Pokok Sena yang boleh didapati di Unit Pentadbiran Dan Kewangan Pejabat Daerah Dan Tanah Pokok Sena dengan bayaran RM2.00.
2. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:-
 - (a) Kad Pengenalan;
 - (b) Sijil Kelahiran;
 - (c) Sijil Berhenti Sekolah;
 - (d) Sijil-sijil persekolahan
 - (e) Kelulusan Akademik (Sijil/Diploma/Ijazah) *Mana yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon;
 - (f) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran passport; dan
 - (g) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (Jika ada)
3. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah diakui sah oleh pegawai kerajaan dalam Pengurusan dan Profesional, Penghulu Mukim atau Jaksa Pendamai.
4. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui KETUA JABATAN masing-masing dengan menyertakan Salinan Buku Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) terkini seperitimana mengikut Peraturan 17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

5. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat berukuran 23cm x 32 cm. Di sudut atas sebelah kiri sampul hendaklah ditulis dengan huruf besar yang jelas, **NAMA JAWATAN** yang dipohon.

Alamat permohonan dan tarikh tutup permohonan:

**YANG BERBAHAGIA
TUAN PEGAWAI DAERAH POKOK SENA
PEJABAT DAERAH DAN TANAH POKOK SENA
06400 POKOK SENA
KEDAH DARUL AMAN**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 03 MAC 2022

CATATAN AM:

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Salinan fotostat borang permohonan adalah tidak diterima.



RAJAH AHMAD BAWADIR BIN HAJI ABDUL GHANI, AMB, BCK, BPK
PEGAWAI DAERAH
PEJABAT DAERAH DAN TANAH POKOK SENA
KEDAH DARUL AMAN